



◀ **TERIMA ANUGERAH ORGANISASI PENGELUARAN, CEO BERPANDANGAN GLOBAL**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod menerima anugerah Organisasi Pengeluaran dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Berpandangan Global Bagi Tahun ini pada Majlis Anugerah Kepemimpinan Keusahawanan Asia Barat Ke-6 di Dubai, Isnin lalu.

Para juri memilih MSM bagi anugerah kategori Pengeluaran berdasarkan usaha berterusan syarikat dalam pertumbuhan perniagaan dan kecekapan kualiti serta perkhidmatan yang membawa perniagaan syarikat ke peringkat lebih tinggi.